



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 30 MEI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	HARGA DAUN KETUMBAR, DAUN SUP NAIK, SINAR NEGERI TERENGGANU, KELANTAN, MELAKA, N.SEMBILAN, JOHOR, SH -20	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	DUA BERADIK USAHA TANAMAN NANAS RAIH RIBUAN RINGGIT SEBULAN, WILAYAH, BH -19	LAIN-LAIN
3.	LIMPAHAN REZEKI NANAS MADU KACA, LOKAL, HM -10	

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2020	SINAR HARIAN	TERENGGANU/ KELANTAN/ MELAKA/ N.SEMBILAN/ JOHOR	20

## Harga daun ketumbar, daun sup naik

**MELAKA TENGAH** - Rata-rata peniaga sayur di Pasar Transit Bachang di sini mengakui harga daun ketumbar dan daun sup meningkat dua kali ganda sejak sebelum Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Peniaga, Norfazlana Roslan, 22, berkata, dia sukar mendapatkan bekalan daun ketumbar sehingga menyebabkan harganya memcecah RM40 sekilogram.

Menurutnya, peniaga menghadapi kekurangan bekalan sedangkan permintaan menjelang musim perayaan meningkat sehingga sekarang.

"Sebelum raya harga daun ketumbar dalam RM20 sekilogram namun sekarang mencecah hingga RM40 sekilogram. Sudah ada pelanggan yang mengeluh sukar nak dapat daun ketumbar.

"Bila harga naik kami pun tak berani nak ambil bekalan daun tersebut sebab terlalu mahal, takut pelanggan tak mahu beli," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Umi Kalthum Dolah, 56, berkata,

dua minggu sebelum musim perayaan, daun tersebut sukar diperoleh berbanding sayur-sayuran lain termasuk daun sup yang turut mengalami kenaikan harga daripada RM8 hingga RM10 sekilogram kepada RM20 sekilogram.

"Dari sebelum raya harga daun ketumbar naik mendadak, bila dah mahal sangat kami pun tak berani nak jual kepada orang ramai kerana bimbang tiada pembeli dan sayur cepat rosak," katanya.

Sementara itu, Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, pihaknya memberi jaminan harga sayur itu akan turun dan bekalan akan mencukupi dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, beliau dimaklumkan oleh Lembaga Pertanian Pemasaran Persekutuan (FAMA) negeri bahawa bekalan mencukupi menjelang minggu hadapan apabila penanaman daun ketumbar telah dilaksanakan sejak dua minggu lalu.



Norfazlana menunjukkan bakul daun ketumbar yang kosong sejak minggu lalu disebabkan harganya meningkat hingga mencecah RM40 sekilogram.

# Dua beradik usaha tanaman nanas raih ribuan ringgit sebulan

**Rantau Panjang:** Tekad dua beradik untuk berbudi kepada tanah dengan mengusahakan nanas ternyata memberi hasil lumayan apabila mampu memperoleh pendapatan ribuan ringgit seminggu.

Mohammad Naquiddin Che Hashim, 24, dan adiknya Mohammad Hasrul, 19, kini mampu tersenyum gembira apabila hasil titik peluh mereka menanam nanas di tanah seluas 4.8 hektar membuahkan hasil lumayan.

Meréka yang baru pertama kali mengusahakan tanaman itu, mampu mengeluarkan 1,000 sehingga 2,000 kilogram seminggu, bergantung permintaan pemborong atau pelanggan.

Mohammad Naquiddin berkata, meréka turut dibantu bapanya, Che Hashim Che Hasan, 55, daripada segi kewangan dan sokongan bagi memastikan projek tanaman nanas itu berhasil, selain banyak berkongsi ilmu pertanian.

"Alhamdulillah, permintaan

nanas jenis madu kaca yang kami usahakan ini mendapat permintaan tinggi termasuk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), malah permintaan meningkat dari semasa ke semasa.

"Nanas ini dijual pada harga RM2.50 sehingga RM3 sekilogram dan harganya berubah bergantung kepada pasaran. Kami turut mengusahakan jenis MD2; namun masih belum dapat dijual kerana belum matang sepenuhnya.

"Menjadi petani mudah, kena ada kesabaran, semangat tinggi dan rajin kerana ia memerlukan kerahan tenaga supaya tanaman dapat diusahakan sebaiknya," katanya ketika ditemui di Kampung Kubang Rambutan di sini, kelmarin.

Mohamad Naquiddin berkata, meréka turut dibantu empat pekerja untuk proses menanam serta mengutip hasil.



**Mohammad Naquiddin (kiri) dan adiknya Mohammad Hasrul (kanan) bersama hasil nanas dari kebun mereka di Kampung Kubang Rambutan, Rantau Panjang.**  
(Foto Syaherah Mustafa/BH)

Katanya, antara cabaran mengusahakan tanaman nanas ialah tempoh matang mengambil masa lama, iaitu lebih setahun, namun masak secara berperingkat, selain serangan haiwan perosak seperti kera dan babi hutan.

"Kami juga terpaksa meredah jalan butan lebih tiga kilometer

dengan menunggang motosikal atau menaiki pacuan empat roda (4WD) kerana jalannya agak mencabar. Kami mahu membukakan pertanian mampu memberi pulangan lumayan dan menyeru anak muda turut sama bertani memandangkan situasi sekarang, sukar mendapatkan pekerjaan," katanya.

## Limpahan rezeki nanas Madu Kaca

**Rantau Panjang:** Tekad dua beradik untuk berbudi kepada tanah dengan mengubakan nanas ternyata memberi hasil lumayan apabila mereka akhirnya mampu menjana pendapatan ribuan ringgit.

Mohammad Naquiddin Che Hashim, 24, dan adiknya Muhammad Hasrul, 19, kini mampu tersenyum gembira apabila hasil titik peluh mereka menanam nanas pada tanah seluas 4.8 hektar membuahkan hasil lumayan.

Mereka yang baru pertamanya kali mengusabakan tanaman itu mampu mengutip hasil nanas 1,000 sehingga 2,000 kilogram (kg) seminggu, bergantung kepada permintaan pemborong atau pelanggan.

Mohammad Naquiddin berkata, mereka turut dibantu bapanya, Che Hashim Che Hasan, 55, daripada segi kewangan serta sokongan bagi memastikan projek tanaman nanas itu berhasil selain banyak berkongsi ilmu pertanian.

"Alhamdulillah, permintaan nanas jenis Madu Kaca yang kami usahakan ini mendapat permintaan tinggi termasuk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Per-



MOHAMMAD NAQUIDDIN (kiri) dan Muhammad Hasrul (kanan) bersama bapa mereka menunjukkan nanas yang ditanam di Rantau Panjang.

gerakan (PKP), malah ia semakin meningkat berikutan permintaan di pasaran.

"Nanas ini dijual pada harga RM2.50 sehingga RM3 sekilogram yang mana harganya berubah bergantung kepada pasaran. Selain nanas jenis Madu Kaca, kami juga turut mengusabakan jenis MD2 namun masih belum dapat dijual kerana ia belum matang sepenuhnya," katanya ketika ditemui di kebun nanas miliknya di Kampung Kubang Rambutan, Rantau Panjang, kelmarin.

Mohamad Naquiddin yang juga memegang sijil penyelenggaraan jentera berat daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Perlis berkata, dia dan adiknya dibantu empat lagi petani untuk proses menanam serta mengutip hasil.

Katanya, antara cabaran mengusabakan tanaman nanas ialah tempoh untuk buah matang yang mengambil masa lebih setahun namun ia masak secara berperingkat selain terdapat beberapa haiwan perosak se-

perti kera dan babi hutan.

"Selain itu, kami terpaksa meredah jalan hutan sepanjang lebih tiga kilometer (km) dengan menunggang motosikal atau menaiki perana jalannya yang mencahar untuk ke kebun.

"Setakat ini, nanas ini hanya dipasarkan di sekitar Kelantan, bagaimana pun kami mengatualuhkan lebih ramai pemborong untuk memborong hasil tanaman kami supaya ia terjual sehingga ke seluruh negara," katanya.